

PENGUNAAN “KAEDAH TIRU MACAM SAYA” MEMBANTU MENYAMBUNG HURUF JAWI TUNGGAL DALAM KALANGAN MURID TAHUN 3

Oleh

MARDHIYYAH BINTI MD. SAHMILIN
ainul_mardhiyyah8003@yahoo.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan kaedah “Tiru Macam Saya” di dalam pelajaran Jawi tahun 3. Peserta kajian adalah seramai tiga orang murid tahun 3. Penyelidik menggunakan tiga jenis instrumen pengumpulan data, iaitu diari murid, refleksi guru, serta ujian pra dan pasca. Hasil kajian menunjukkan kaedah “Tiru Macam Saya” memberi kesan positif terhadap pencapaian dan minat murid terhadap penulisan huruf Jawi tunggal. Peningkatan pencapaian minat murid terhadap menyambung huruf tunggal tulisan Jawi dengan menggunakan kaedah “Tiru Macam Saya” adalah sebanyak 97% berbanding kaedah biasa. Persepsi murid melalui catatan diari menunjukkan kecenderungan positif terhadap penggunaan kaedah “Tiru Macam Saya”.

Kata Kunci : Kaedah “Tiru Macam Saya”, minat, pencapaian.

ABSTRACT

This research aims to investigate the effectiveness of the “*Tiru Macam Saya*” method in the Jawi subject year 3. The sample of this research consists of three year three students. Researcher uses three kinds of instruments in collecting the data namely; students’ diary, teacher’s reflection and pre and post intervention test. The result shows significant increase in the students’ interest towards Jawi writing as well as positive improvement in their Jawi writing mastery. Additionally, the students’ interest in Jawi writing by applying the “*Tiru Macam Saya*” method escalates to 97% compared to using the usual approach. As well, the students also express their tendency to use the “*Tiru Macam Saya*” method compared to other existing method in their diary.

Key words: “Tiru Macam Saya” method, interest, achievement.

PENGENALAN

Konteks

Saya merupakan seorang guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Kuching. Saya mengambil kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Pengajian Islam selama empat tahun dan sekarang berada pada tahun akhir pengajian. Praktikum ketiga berjaya saya laksanakan di Sekolah Kebangsaan Bulan (nama samaran) selama tiga bulan. Saya mengajar di kelas tahun 3.

Saya telah mengenal pasti tiga orang murid yang mempunyai masalah dalam menyambung huruf Jawi tunggal, bagi kemahiran menulis. Saya namakan tiga

orang murid ini sebagai Murid 1, Murid 2, dan Murid 3. Saya mengambil langkah memperkenalkan kaedah “Tiru Macam Saya” bagi mengatasi masalah murid yang tidak mahir menyambung huruf Jawi tunggal.

Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran


Bermula 30 Januari 2012, saya telah menjalankan praktikum fasa ketiga selama tiga bulan, dan berakhir pada 9 Mac 2012. Semasa menjalani praktikum di Sekolah Kebangsaan Bulan (Nama samaran), saya telah diamanahkan untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di beberapa buah kelas, dan antaranya adalah kelas tahun 3.

Saya membuat pemerhatian kaedah guru mengajar pada minggu pertama praktikum di SK Bulan. Melalui pemerhatian tersebut, saya mendapati bahawa guru tersebut menggunakan tulisan Rumi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, sama ada untuk membuat nota, mahupun latihan. Beliau menggunakan tulisan Rumi supaya objektif pembelajaran dapat dicapai 100%.

Saya juga diamanahkan untuk mengajar bidang Jawi di kelas yang sama. Saya dapati bahawa murid lemah di dalam penguasaan menulis Jawi, khususnya menyambung huruf-huruf Jawi tunggal, sedangkan kemahiran menyambung huruf Jawi tunggal adalah antara kemahiran asas.

Saya sering memberi latihan yang berkaitan dengan menyambung huruf tunggal Jawi dalam proses memberi pendedahan dan latih tubi bagi kemahiran menulis Jawi kepada murid. Walaubagaimanapun, murid merasa bosan apabila saya meminta murid membuat latihan menyambung huruf, dan seringkali tidak menghantar latihan yang diberikan oleh guru, dengan alasan latihan yang diberikan terlalu susah. Keputusan dan hasil penulisan tetap sama walaupun banyak latihan yang diberikan kepada murid. Murid membuat latihan secara sambil lewa, dan kadang kala hanya menyalin semula soalan pada ruang jawapan.

Oleh itu, saya memikirkan solusi untuk memperbaiki amalan pengajaran, serta membantu murid memperbaiki kemahiran menulis Jawi murid khususnya menyambung huruf dengan kaedah yang lebih mudah dan menarik.



Rajah 1: Dapatan Awal Melalui Latihan Murid

Fokus Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berfokuskan kepada menyambung huruf dalam penulisan huruf Jawi tunggal. Murid lemah dalam kemahiran menulis Jawi menyebabkan murid tidak dapat menjawab dengan baik di dalam ujian. Kelemahan dalam penulisan Jawi ini juga menyebabkan murid kurang berminat dengan mata

pelajaran Pendidikan Islam, sedangkan tulisan Jawi adalah tulisan yang digunakan di dalam P&P Pendidikan Islam.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Awang Mohammad Amin (1989), beliau menyatakan bahawa kemahiran murid dalam membaca dan menulis Jawi adalah lemah. Dapatan kajian lain dari Mustapha Yazid (1995), 95 peratus murid mempunyai pandangan negatif terhadap penulisan Jawi seperti susah dipelajari, tidak penting, dan tidak dinilai di dalam peperiksaan.

Masalah ketidakbolehan menulis dan membaca tulisan Jawi boleh memberi kesan kepada pencapaian dan minat murid di dalam pembelajaran Pendidikan Islam, menurut Sulaiman Ghazali (1990), dan Azman Wan Chik (1986).

Isu tulisan Jawi sepatutnya bukan isu yang besar kerana tulisan Jawi sepatutnya sudah sehati bagi setiap umat Islam. Hal ini kerana tulisan Jawi sangat berkait rapat dengan tulisan Al-Quran. Individu yang mempunyai kemahiran untuk membaca dan menulis dengan tulisan Jawi sudah pasti boleh membaca Al-Quran, dan begitu juga sebaliknya. Atas dasar ini, saya melaksanakan kajian ini, bagi memberi pendedahan kepada murid tentang tulisan Jawi.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Umum

- a) Membantu di dalam meningkatkan kemahiran penyambungan penulisan huruf jawi.

Objektif Khusus

- a) Mengkaji keberkesanan kaedah "Tiru Macam Saya" terhadap pencapaian murid dalam menyambung huruf tunggal dalam penulisan Jawi.
- b) Mengkaji penggunaan kaedah "Tiru Macam Saya" di dalam menarik minat murid terhadap penulisan Jawi.

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- a) Adakah kaedah "Tiru Macam Saya" mendatangkan kesan positif terhadap pencapaian murid dalam menyambung huruf-huruf tunggal dalam penulisan Jawi?
- b) Adakah kaedah "Tiru Macam Saya" mampu menarik minat murid dalam penulisan Jawi?

PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan Tindakan

Melalui P&P yang saya laksanakan sebelum kajian, kemahiran menyambung huruf Jawi tunggal dalam kalangan murid adalah lemah. Murid juga enggan membuat dan menghantar latihan yang diberikan guru, dan memberi alasan bahawa latihan yang diberikan oleh guru adalah susah. Arfah A. Aziz (1992) menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran Jawi telah dicapkan sebagai proses yang membosankan murid, tiada ruang untuk guru membuat penambahbaikan di dalam pengajaran melalui aktiviti yang pelbagai.


Atas sebab ini, saya telah mencipta kaedah yang dinamakan sebagai kaedah “Tiru Macam Saya”. Kaedah ini menggunakan teori pembelajaran melalui model. Albert Bandura dalam Suppiah, Ramlah, & Abdul Azizi (2008), menyatakan bahawa pembelajaran bukan sahaja berlaku secara pelaziman klasik dan operan yang mementingkan perkaitan antara rangsangan dan gerak balas, tetapi juga melalui peniruan.

Peniruan dapat mengurangkan rasa takut dalam diri murid. Menurut Bandura dan Menlove (1968) melalui sumber yang sama mengatakan bahawa, tingkah laku menghindarkan diri boleh dihapuskan melalui pemerhatian kepada gerak balas model. Di dalam konteks penggunaan kaedah ini di dalam P&P, murid lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan menyambungkan huruf Jawi tunggal, dengan adanya model daripada kaedah “Tiru Macam Saya” ini.

Pelaksanaan Tindakan

Saya mula melaksanakan kajian saya di dalam tempoh internship, bermula 25 Jun hingga 20 Julai 2012. Saya melaksanakan kajian di luar waktu P&P Pendidikan Islam, kerana hanya tiga orang peserta kajian yang terlibat.

Langkah pertama saya adalah memperkenalkan cara penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) bagi kaedah “Tiru Macam Saya”.



Rajah 2: Papan “Tiru Macam Saya”

Pada papan ini, dilekatkan huruf-huruf Jawi tunggal yang diklasifikasikan mengikut warna. Tiga warna yang digunakan iaitu warna hijau sebagai warna “Mesra Alam”. Huruf yang berwarna hijau boleh disambung di kanan dan di kiri. Huruf berwarna kuning yang hanya boleh disambung di sebelah kanan adalah “Kedekut”. Huruf yang berwarna merah adalah huruf yang tidak boleh disambung di kanan atau kiri, dikenali sebagai “Pemarah”.

Kaedah yang menggunakan warna ini saya gunakan bagi memudahkan peserta kajian mengingat lambang bagi setiap warna. Penggunaan warna dapat meningkatkan kefahaman pelajar dan memudahkan mereka mengingat sesuatu

konsep hanya dengan melihat warna yang digunakan (Saifuddin Kumar Abdullah, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia).

- i. Saya menunjukkan Papan “Tiru Macam Saya” kepada peserta kajian. Saya memperkenalkan lambang bagi setiap warna huruf tunggal Jawi. Huruf yang berwarna hijau adalah huruf yang mesra. Huruf ini boleh disambung di kanan dan di kiri. Huruf yang berwarna kuning adalah huruf yang kedekut, dan hanya boleh disambung di sebelah kanan. Huruf yang berwarna merah adalah huruf yang pemaarah, yang mana huruf berwarna merah tidak boleh disambung dengan mana-mana huruf.
- ii. Peserta memerhatikan satu soalan yang diberikan, dan membulatkan huruf yang berwarna kuning dan merah.
- iii. Peserta diminta menyambungkan semua huruf kecuali huruf yang dibulatkan. Jika huruf yang dibulatkan berwarna kuning, huruf tersebut masih boleh disambung di kanan, dan tidak boleh disambung di sebelah kiri. Jika huruf tersebut berwarna merah, huruf tersebut tidak boleh disambung sama ada di sebelah kanan atau kiri.

METODOLOGI

Peserta Kajian

Saya namakan peserta kajian saya sebagai Murid 1, Murid 2, dan Murid 3. Ketiga-tiga orang murid ini adalah murid kelas tahun 3. Murid 1 adalah murid perempuan yang memegang jawatan sebagai Perpustakawati. Murid 2 pula adalah murid lelaki yang mempunyai tulisan Jawi dengan kemas, walaupun tidak mahir membacanya. Murid 3 juga adalah murid lelaki yang mempunyai prestasi yang baik dalam Pendidikan Islam.

Walaupun demikian, ketiga-tiga peserta kajian ini mempunyai masalah dalam menyambung huruf tunggal Jawi, walaupun perkataan itu sudah dipelajari. Melalui pemerhatian saya, peserta kajian membuat latihan secara sambil lewa, dan kadang kala hanya menyalin semula soalan.

Saya sebagai guru yang melaksanakan kajian ini juga merupakan peserta penyelidikan tindakan ini. Saya melaksanakan penyelidikan tindakan ini untuk mempertingkatkan amalan sendiri saya dalam P&P, serta membantu peserta kajian mengurangkan kesilapan dalam menyambung huruf Jawi tunggal bagi kemahiran menulis.

Etika Penyelidikan

Sebelum saya menjalankan penyelidikan, saya menyerahkan surat surat permohonan bagi menjalankan kajian yang disediakan pihak institut kepada pihak sekolah. Kemudian, saya mendapatkan kebenaran daripada peserta kajian untuk terlibat sebagai peserta dalam kajian ini. Murid yang bersetuju menjadi peserta kajian akan menandatangani surat akuan penyertaan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.

Surat Akuan Peserta Kajian

Saya _____ bersepu untuk menjadi peserta dalam kajian yang akan dijalankan oleh Cik Mardhiyyah binti Md. Sahmilin. Saya akan mengilahi segala aktiviti yang akan dijalankan oleh beliau tanpa sebarang keraguan. Saya juga percaya bahawa Cik Mardhiyyah binti Md. Sahmilin akan bertanggungjawab terhadap sebarang perkara yang terjadi sepanjang tempoh menjalankan kajian tindakan yang dilaksanakan oleh beliau.

Dengan menandatangani akuan ini, membolehkan bahawa saya benar-benar bersepu untuk menjadi peserta kajian. Saya **CIK MARDHIYYAH BINTI MD. SAHMILIN** sebagai penyelidik akan bertanggungjawab dan menjaga keselamatan peserta penyelidikan serta menghormati hak peserta penyelidikan tindakan pada setiap masa.

Tandatangan peserta : _____
Tandatangan penyelidik : _____
Tarikh : _____

Rajah 3 : Surat akuan penyertaan peserta kajian.

Teknik Mengumpul Data

a) Catatan diari murid

Catatan diari adalah satu cara yang penting untuk mengutip data dalam Kajian Tindakan. Catatan mengenai pemerhatian, perasaan, tindakan, hipotesis dan penyelesaian sesuatu situasi boleh dibuat. Terdapat dua jenis catatan dairi, iaitu diari guru dan diari pelajar. Di dalam kajian ini, saya menggunakan diari murid sebagai kaedah pengumpulan data.

b) Ujian Pra dan Pasca

Ujian pra ialah ujian pencapaian yang diduduki oleh semua sampel bagi sebelum kajian dijalankan. Ujian pasca ialah ujian pencapaian yang diduduki oleh semua sampel di akhir kajian dijalankan.

Tujuan ujian adalah untuk menilai keberkesanan pengajaran saya dan pembelajaran pelajar bagi setiap tajuk yang diajar, khususnya dalam kemahiran menyambung huruf Jawi tunggal ini.

c) Refleksi guru

Refleksi adalah satu fasa di mana saya meninjau semula pengajaran di dalam bilik darjah. Secara ringkasnya, refleksi membolehkan saya membuat penilaian sendiri. Amalan reflektif juga membolehkan saya mempunyai rasa tanggungjawab terhadap perkembangan sendiri.

Teknik Menganalisis Data

a) Catatan diari murid

Peserta kajian akan mengisi diari murid setiap kali selepas P&P dilaksanakan. Kaedah pengumpulan data ini bertujuan untuk mengetahui respon peserta kajian terhadap kaedah yang diperkenalkan. Diari murid dianalisis dengan membanding fakta dengan refleksi guru. Rujukan silang (cross reference) atau hasil analisis inilah yang akan menjawab persoalan kajian.

b) Ujian Pra dan Pasca

Ujian ini dijalankan kepada tiga orang peserta kajian yang dipilih di luar waktu mata pelajaran Pendidikan Islam. Peserta kajian dikehendaki menjawab 10 soalan yang berkaitan dengan menyambung huruf-huruf tunggal Jawi. Ujian pertama dikenali sebagai ujian Pra, di mana menguji pengetahuan sedia ada sampel kajian di dalam kemahiran menyambung huruf tunggal Jawi. Ujian yang kedua dikenali sebagai ujian Pasca. Di dalam ujian ini, murid sudah didedahkan dengan kaedah "Tiru Macam Saya".

Ujian yang dijalankan adalah ujian subjektif dan dijawab secara individu. Melalui ujian ini, saya dapat membuat perbandingan tahap kefahaman dan prestasi murid sebelum dan selepas kaedah "Tiru Macam Saya" diperkenalkan.

c) Refleksi guru

Catatan refleksi guru ini saya laksanakan selepas berakhirnya sesi P&P. Refleksi guru ini adalah salah satu instrumen kajian saya. Rasional saya memilih instrumen ini ialah supaya saya dapat membuat penilaian semula serta membuat rumusan terhadap P&P yang telah saya laksanakan, dan membuat perbandingan antara P&P.

Teknik Menyemak Data

Secara umumnya, saya telah menggunakan dua jenis triangulasi dalam kajian saya iaitu triangulasi kaedah dan triangulasi sumber.

Triangulasi Kaedah

Saya memilih triangulasi antara kaedah iaitu penggunaan kaedah yang berbeza untuk mengumpul data daripada peserta penyelidikan tindakan saya yang sama. triangulasi kaedah yang dimaksudkan ialah penggunaan instrument yang berbeza dalam mengumpul data. Instrument yang saya gunakan adalah catatan diari murid, refleksi guru, serta ujian pra dan pasca.

Triangulasi Sumber

Triangulasi sumber pula melibatkan semakan latihan oleh saya dan guru pembimbing. Saya telah meminta bantuan guru pembimbing saya, iaitu Puan Anne (nama samaran) untuk menyemak lembaran kerja murid dan kertas ujian semasa saya menjalani *internship* di Sekolah Kebangsaan Bulan supaya semakan tidak bias.

REFLEKSI

Refleksi Dapatan

Adakah kaedah "Tiru Macam Saya" mendatangkan kesan positif terhadap pencapaian murid dalam menyambung huruf-huruf tunggal dalam penulisan Jawi?


Dapatan kajian menunjukkan bahawa kaedah "Tiru Macam Saya" dapat meningkatkan kemahiran peserta kajian dalam menyambung huruf Jawi tunggal dengan betul.

Dapatan ini juga disokong melalui keputusan ujian pasca yang semakin baik berbanding ujian pra. Ujian pasca dilaksanakan selepas kaedah “Tiru Macam Saya” diperkenalkan kepada peserta kajian. Perbandingan markah ujian pra dan pasca dipamerkan melalui Jadual yang ditunjukkan.

Berdasarkan Jadual 1, terdapat peningkatan jumlah markah yang diperolehi oleh ketiga-tiga peserta kajian dalam ujian pasca. Murid 1 yang memperolehi markah sebanyak 20% dalam ujian pra berjaya mendapat 100% dalam ujian pasca. Murid 2 pula berjaya mendapat markah penuh dalam ujian pasca, dibandingkan markah kosong yang diperolehinya di dalam ujian pra. Murid 3 juga menunjukkan peningkatan dalam ujian pasca sebanyak 90% daripada kosong markah di dalam ujian pra.

Jadual 1 : Perbandingan Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca

SAMPEL	KEPUTUSAN (%)		NILAI TOKOKAN
	PRA	PASCA	
Murid 1	20	100	+80
Murid 2	0	100	+100
Murid 3	0	90	+90



Rajah 4: Soalan Ujian Pra dan Pasca

Adakah kaedah “Tiru Macam Saya” mampu menarik minat murid dalam penulisan Jawi?

Kajian saya ini menampakkan perubahan positif apabila peserta kajian gembira dan bermotivasi setelah dapat menguasai kaedah ini. Dapatan ini disokong melalui diari murid.

“Saya sudah faham yang ustazah ajar.”

-Murid 2-

“...ujian kedua agak senang kerana kaedah ini senang.”

-Murid 1-

“Saya sudah faham ejaan jawi. Saya berasa sangat gembira.”

-Murid 3-

Peserta kajian merasa gembira dan termotivasi apabila dapat menjawab soalan yang berkaitan dengan menyambung huruf tunggal Jawi. Motivasi dan sikap mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian (Gadner, 1985). Ini dikuatkan lagi dengan dapatan kajian Armstrong dan Rentz (2002). Melalui kajian yang mereka laksanakan mendapati bahawa motivasi peserta kajian yang rendah menghasilkan pencapaian juga tidak memuaskan. Setelah diberi motivasi, didapati motivasi mereka tinggi dan pencapaian mereka bertambah baik.

Dapatan ini turut disokong dengan hasil analisis refleksi guru selepas sesi P&P bertarikh 11 Julai 2012:

“Murid sudah pandai menyambung huruf tunggal Jawi dengan menggunakan kaedah “Tiru Macam Saya”. Murid lebih bersemangat dan bersaing di dalam menghantar latihan yang diberikan oleh guru dengan rakan lain.”

Hasil refleksi menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai motivasi untuk menumpukan perhatian dalam P&P serta bersemangat membuat latihan yang saya berikan, apabila murid mempunyai kemahiran dan mempunyai pencapaian yang baik di dalam aspek tersebut. Justeru, terbukti bahawa guru berperanan besar sebagai pemudahcara dalam proses P&P di kelas.

PERKARA	P&P 1 (28/6/2012)	P&P 2 (11/7/2012)	RUMUSAN
KEKUATAN	Murid gemar aktiviti P&P di luar bilik darjah.	Murid sudah pandai menyambung huruf tunggal Jawi dengan menggunakan kaedah "Tiru Macam Saya". Murid lebih bersemangat dan bersaing di dalam menghantar latihan yang diberikan oleh guru dengan rakan lain.	1. Murid sudah pandai menyambung huruf tunggal Jawi dengan menggunakan kaedah "Tiru Macam Saya". 2. Murid lebih bersemangat dan bersaing di dalam menghantar latihan yang diberikan oleh guru.
KELEMAHAN	Murid kurang diben pendedahan dengan kemahiran menulis dengan tulisan Jawi. Murid tidak mahir menyambung huruf tunggal Jawi. Murid tidak bersemangat membuat latihan menulis Jawi dengan alasan tidak pandai menulis.	Beberapa orang murid perlu diberi perhatian dengan pengajaran secara individu.	

Rajah 5: Analisis Refleksi Guru

Daripada kesemua hasil analisis data yang telah saya nyatakan, terbukti bahawa kaedah "Tiru Macam Saya" membantu menyambung huruf jawi tunggal dalam kalangan murid tahun 3.

Refleksi Penilaian tindakan

Penggunaan kaedah "Tiru Macam Saya" memberi impak yang positif dalam meningkatkan pencapaian dan minat murid dalam menyambung huruf Jawi tunggal. Antara kekuatan kaedah ini ialah memupuk keyakinan murid, dan seterusnya boleh meningkatkan motivasi murid dalam penulisan Jawi. Selain itu juga, kaedah ini memberi peluang kepada murid untuk menjalankan pembelajaran berpusatkan murid dan bahan.

Kelemahan kaedah ini ialah BBM yang digunakan dalam kajian ini adalah terhad. Justeru, kelemahan dalam kajian ini boleh diperbaiki dengan mengedarkan BBM yang digunakan dalam bentuk kad yang bersaiz kecil kepada setiap murid bagi meningkatkan keberkesanan kaedah ini.

Refleksi Pembelajaran Kendiri

Sebagai seorang guru Pendidikan Islam, saya dapat menambah pengetahuan dalam membantu membimbing murid-murid yang lemah dalam penulisan Jawi. Guru adalah unsur penting dalam dunia pendidikan dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap keberkesanan sesuatu pendidikan (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamur, 2007). Atas dasar ini, saya berusaha untuk memastikan murid mencapai objektif sesuatu P&P.

Langkah pertama yang saya laksanakan dalam memastikan murid mencapai objektif P&P ialah meningkatkan kemahiran murid dalam penulisan huruf Jawi tunggal. Hal ini kerana kebanyakan bahan bagi mata pelajaran Pendidikan Islam adalah menggunakan tulisan Jawi (Rasinah, 2010).

Melalui pelaksanaan kajian tindakan ini, saya bukan sahaja dapat memperbaiki amalan pengajaran saya, tetapi juga dapat membantu murid dalam kemahiran menulis Jawi, khususnya dalam aspek menyambung huruf Jawi tunggal. Kajian yang dilaksanakan ini, saya telah mencipta kaedah untuk memudahkan murid untuk menyambung huruf bagi tulisan Jawi tunggal. Guru seharusnya memberi tunjuk ajar, mengesan kekuatan dan kelemahan murid, memberi latihan yang secukupnya, memperbetulkan kesalahan murid, dan memberi penghargaan kepada murid pendidikan (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007).

Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya

Secara keseluruhannya, kajian yang saya laksanakan memberi impak yang positif dalam peningkatan prestasi peserta kajian, serta minat murid dalam penulisan huruf Jawi tunggal. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang perlu kepada penambahbaikan. Antaranya ialah dengan menunjukkan skor markah latihan dan ujian yang dijalankan kepada peserta kajian supaya mereka lebih bermotivasi dan menunjukkan semangat persaingan dengan rakan-rakan.

Selain itu, saya juga mendapati bahawa bilangan peserta kajian adalah kecil. Sebagai penambahbaikan bagi kajian akan datang, saya mencadangkan supaya bilangan peserta kajian ditambah bagi menguatkan lagi kebolehpercayaan dan kesahan data yang diperolehi.

Berdasarkan kajian yang dilaksanakan ini, saya mendapati bahawa terdapat aspek kajian yang boleh dilaksanakan, iaitu kaedah menyambung huruf yang boleh disambung. Hal ini kerana, kajian ini hanya menumpukan huruf-huruf yang boleh disambung dan huruf yang tidak boleh disambung.

Selain itu juga, BBM bagi kaedah "Tiru Macam Saya" ini juga boleh dibuat dalam bentuk yang lebih kecil, dan diedarkan kepada setiap orang murid, bagi membantu dan memudahkan murid dalam penulisan huruf Jawi tunggal ketika P&P Pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Arfah A. Aziz (1992). *Improving the Quality of Education: Strategies for Impelemnting of Change*. Undated.
- Armstrong, S. & Rentz, T. 2002. Improving listening skills and motivation. Research Project. Saint Xavier University, Chicago, Illinois.
- Awang Mohamad Amin. (1989). Tulisan Jawi ke arah penggunaan yang lebih meluas dan berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 33(12), 937–941.
- Azman Wan Chik. (1986). *Kaedah amali hayati: Satu pendekatan mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Garner, R. C. 1985. *Social psychology and second language learning: The role of attitude and motivation*. London: Edward Arnold.

Kamarul Azmi Jasni dan Abdul Halim Tamuri. 2007. Pendidikan Islam. Kaedah pengajaran dan pembelajaran. Johor Baharu. UiTM. Kontemporari, McGraw Hill, Malaysia.

Mustapha Yazid. (1991). Penguasaan Jawi di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah di negeri Kelantan: Satu kajian khusus di daerah Kota Bharu. Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Rasimah binti Mohd. Jasni. 2010. *K . A . S . I . H yang U . N . I . K Penyambung Huruf Tunggal Jawi: Mempertingkatkan Kemahiran Muird Dalam Menulis Jawi.* Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Razak. 47-55

Sulaiman Ngah Ghazali. (1990). Ke arah mempertingkat mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah agama rakyat di negeri Perak: Satu kajian. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Leonard M. Set (1996)

Saifuddin Kumar. *Keberkesanan Penggunaan "My Aura Map" Untuk Membantu Pelajar Semester1 Memahami Dan Mengingati Istilah-Istilah Dalam Mata Pelajaran Pengajian Perniagaan.* Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Suppiah Nachappan, Ramlah Jantan, Abdul Aziz Abdul Shukor. 2008. *Psikologi Pendidikan.* Selangor : oxford Fajar Sdn.Bhd